



## SKUASY

### 1. Undang-undang Permainan

Permainan ini dijalankan mengikut Undang-undang Squasy Antarabangsa (ISRF)

### 2. Peraturan Pertandingan

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Pertandingan Sukan Teras Majlis Sukan Universiti Malaysia (STM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

### 3. Jenis Pertandingan

Kejohanan Individu Antara Universiti-universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

### 4. Pendaftaran Pemain

4.1 Tiap-tiap universiti dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 4 orang pemain sahaja.

4.2 Borang pendaftaran hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola mengikut turutan (ranking) dalam universiti masing-masing sebelum pertandingan dimulakan.

### 5. Sistem Pertandingan

5.1 Sistem pertandingan untuk Sukan MASUM Cemerlang akan dijalankan secara sistem kalah mati 2 kali ("*double knock out*").

5.2 Tiap-tiap perlawanan akan diputuskan oleh 5 set yang terbaik dengan kiraan 9 mata setiap set.

### 6. Bola Perlawanan

Bola yang dibenarkan sepanjang pertandingan adalah bola jenis Dunlop Yellow XX atau setaraf dengannya dan akan disediakan oleh pihak pengelola.

### 7. Pakaian

Sila rujuk Peraturan Am STM (8).

### 8. Rayuan/Bantahan

Sila rujuk Undang-undang Antarabangsa dan Peraturan Am (14).

### 9. Juri Rayuan

Sila rujuk Peraturan Am STM (16).

**10. Hadiah**

Hadiah Sukan MASUM akan disediakan oleh MASUM untuk :

**10.1 Divisyen 01 (Kategori Lelaki dan Wanita)**

Johan  
Naib Johan  
Tempat Ke-3  
Tempat Ke-4

**10.2 Divisyen 02 (Kategori Lelaki dan Wanita)**

Johan  
Naib Johan

**11. Perkara yang tidak dinyatakan**

Sila rujuk Peraturan Am STM (22).